

Skor dapat sambutan

Archival News | Berita Harian | 10/05/2001 | Author: Mohd Azrone Sarabatin

AKHBAR sisipan SKOR, yang diedarkan bersama Berita Harian setiap Khamis, sejak 26 April lalu, mendapat sambutan menggalakkan, bukan saja daripada pelajar Melayu, malah Cina dan India.

Kebanyakan pelajar khususnya tingkatan empat dan lima, mengalu-alukan penerbitan SKOR kerana berpendapat lebih ramai pelajar khususnya di luar bandar dapat memanfaatkannya sebagai bahan untuk ulang kaji.

Menurut mereka SKOR yang padat dengan bahan-bahan pembelajaran khususnya untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dapat membantu memantapkan persiapan mereka menghadapi peperiksaan berkenaan.

Kualiti kandungan SKOR turut diakui oleh sebahagian besar daripada 130 peserta Seminar Kecemerlangan SPM anjuran Unit Pendidikan Berita Harian Sdn Bhd di Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sambil menyambut baik penerbitan SKOR, beberapa peserta ditemui berpendapat akhbar itu sesuai dijadikan bahan rujukan tambahan bagi meraih kecemerlangan dalam peperiksaan itu.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur, Diyana Kabilmiharbi, 17, menyifatkan penerbitan akhbar itu adalah langkah bijak dan boleh menjadi panduan berguna kepada pelajar.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata kandungan SKOR bertepatan dengan keperluan calon SPM, tambahan pula ia mudah diperolehi dan hanya perlu mendapatkan Berita Harian. Katanya, bahan yang dimuatkan boleh dijadikan ulang kaji di samping bahan lain yang terdapat dalam Berita Harian.

"Menerusi latihan yang mirip soalan sebenar SPM, saya yakin SKOR boleh membantu memantapkan persiapan calon menghadapi peperiksaan itu," katanya yang sebelum ini pernah menyertai Seminar PMR anjuran Minda Pelajar.

SKOR, akhbar tabloid memberi fokus kepada peperiksaan SPM yang menjadi sisipan Berita Harian setiap hari Khamis mula menemui pembaca menerusi terbitan sulungnya 26 April lalu.

Penerbitan SKOR khusus untuk pelajar tingkatan empat dan lima melengkapkan sumbangan Berita Harian menerusi Unit Pendidikan dalam menerbitkan sisipan khusus untuk pelajar.

Sebelum ini Berita Harian menerbitkan DIDIK untuk pelajar sekolah rendah dan Minda Pelajar untuk pelajar tingkatan satu, dua dan tiga.

Sejajar motonya "Menjana Kecemerlangan SPM", SKOR diyakini mampu menjadi rujukan tambahan ke arah kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan terbabit.

Bagi pelajar tingkatan lima, SMK Damansara Jaya, Chin Yeit Yuan, SKOR perlu dimiliki oleh setiap pelajar kerana selain padat dengan bahan pembelajaran untuk ulang kaji, SKOR juga mengandungi soalan latihan.

Oleh itu anak sulung daripada empat beradik itu bertekad akan menggunakan akhbar itu sebagai alat bantu belajar dan berhasrat melanggan Berita Harian.

Dia berkata, soalan atau nota berkaitan dengan mata pelajaran di peringkat SPM akan disimpan dalam fail khas bagi memudahkan proses ulang kaji terutama menjelang peperiksaan sebenar.

"SKOR memang mantap, boleh dijadikan bahan ulang kaji menghadapi peperiksaan, dan tidak rugi membelinya kerana ilmu diperolehi menerusinya

diyakini membantu calon ketika berada di dewan peperiksaan," katanya.

Sementara itu, pelajar Sekolah Menengah Teknik (SMT) Cheras, Kuala Lumpur, David Especkerman, 17, berhasrat mendapatkan SKOR dengan membeli Berita Harian setiap minggu.

"Saya akan membeli akhbar ini setiap minggu terutama hari Khamis kerana ia sesuai sebagai persediaan menghadapi SPM, selain mendapat pengetahuan lain dengan membaca Berita Harian," katanya.

(END) Source : Berita Harian